

23/09/2002

Pasaran 'kecewa' sedikit tiada insentif potongan cukai korporat

KETIADAAN berita yang ditunggu-tunggu iaitu penurunan cukai korporat dalam Bajet 2003 dijangka tidak memberi kesan bearis kepada pasaran apabila Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) memulakan dagangan hari ini, kata penganalisis.

Sementara harapan pemotongan dua peratus cukai korporat yang mana sekarang adalah 28 peratus, sememangnya dinanti pasaran, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika membentangkan Bajet 2003 Jumaat lalu hanya menurunkan cukai korporat untuk Perusahaan Kecil dan Sederhana.

Pasaran tidak akan terjejas kerana ia juga langsung tidak bertindak balas positif terhadap unjuran pelbagai pemotongan cukai yang diunjurkan penganalisis sebelum bajet dibentangkan.

"Reaksi pasaran mungkin sedikit positif, walaupun nampak jelas ada sedikit kekecewaan kerana kurang insentif pemotongan cukai korporat dalam bajet kali ini," kata Pakar Ekonomi di Credit Suisse First Boston, Singapura, P K Basu, semalam.

Petunjuk ekonomi Amerika Syarikat yang lemah berhubung kemungkinan peperangan antara Amerika dan Iraq masih memberikan kesan buruk sekali gus mewujudkan suasana bearis di bursa saham tempatan menjelang pembentangan Bajet 2003.

Indek Komposit Kuala Lumpur (IKKL) ditutup 672.64 mata pada Jumaat lalu, hampir pada kedudukan terendah dalam 10 bulan, meskipun hanya rendah 0.43 peratus daripada Khamis dan rendah 2.5 peratus sejak awal tahun, bagaimanapun masih jauh lebih baik daripada bursa serantau.

Ketidaktentuan mengenai ekonomi global dipercayai menjadi penyebab Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan lebih berhati-hati membuat perincian terakhir bajet tahun depan.

Sumber kerajaan berkata, rancangan untuk memotong cukai korporat dibuang pada saat akhir sebagai langkah berjaga-jaga jika unjuran rasmi pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 6 hingga 6.5 peratus pada tahun depan tidak menjadi kenyataan.

Bajet yang dibentangkan Dr Mahathir walaupun cuba mengelak sebarang usaha meningkatkan pendapatan, mencuba sebaik mungkin menghasilkan belanjawan berimbang.

Dengan itu, defisit fiskal 2003 diunjurkan jatuh kepada 3.9 peratus daripada KDNK berbanding 4.7 peratus tahun ini, yang juga belanjawan defisit keenam. Kerajaan menjangka dapat membentangkan belanjawan berimbang mulai 2005.